

**KONGRES BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU**, perhimpunan penulis, peminat sastera, pencinta bahasa dan budaya serta para cendekiawan Melayu yang mewakili badan bahasa dan persuratan Melayu dari seluruh negara. Kongres ini telah diadakan sebanyak empat kali, iaitu tiga kali sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan dan kali terakhir pada penghujung tahun 1984.

**Kongres I** Kongres yang berlangsung pada 12 dan 13 April 1952 di Hotel Sea View, Singapura dan dihadiri oleh cendekiawan Melayu yang mewakili 21 badan bahasa dan persuratan Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Hasil pertemuan ini ialah suatu piagam telah dipersetujui dan ditandatangani oleh ketua-ketua perwakilan pada 13 April 1952. Butir-butir piagam berkenaan adalah seperti yang berikut.

- Kongres bahasa hendaklah diadakan seterusnya dengan tujuan untuk menyelaraskan sebarang usaha badan persuratan Melayu di Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan Borneo Utara; dan kerabat kongres hendaklah mengambil keputusan muktamad yang sama atas sebarang hal tentang kemajuan bahasa dan persuratan Melayu dan akan membela hak pengarang, sasterawan dan ahli bahasa Melayu.
- Kongres seterusnya hendaklah diadakan bila-bila masa jika perlu oleh sebuah pertubuhan atau beberapa pertubuhan persuratan menjadi satu; dan pertubuhan persuratan yang mengusulkan kongres itu dengan sendirinya menjadi Panitia Kongres yang akan menyediakan tempat dan persiapan kongres serta memanggil pertubuhan-pertubuhan lain ke kongres tersebut.
- Pertubuhan-pertubuhan persuratan yang menjadi kerabat kongres hendaklah mentaati keputusan muktamad yang diambil oleh kongres; pertubuhan-pertubuhan kerabat kongres hendaklah berusaha melaksanakan keputusan-keputusan yang diambil oleh

kongres untuk memajukan bahasa dan persuratan Melayu; sebarang keputusan kongres hendaklah dianggap sah oleh kerabat kongres; segala keputusan kongres akan diambil mengikut undi yang terbanyak; dan tiap-tiap pertubuhan hanya mempunyai satu undi saja.

Dalam kongres ini, satu keputusan penting telah dicapai, iaitu kedua-dua tulisan Rumi dan Jawi hendaklah digunakan dalam persuratan Melayu pada masa ini, sehingga didapati suatu keputusan lain pada kongres yang kedua kelak.

**Kongres II** Kongres yang berlangsung pada 1 dan 2 Januari 1954 di Sekolah King George V, Seremban dan dihadiri oleh perwakilan 24 badan bahasa dan persuratan Melayu dari seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Antara keputusan yang berkaitan dengan pelbagai bidang yang telah dipersetujui bersama adalah seperti yang berikut.


- Menganjurkan rapat besar bagi ahli persuratan Melayu dengan Indonesia; mendesak penggunaan bahasa Melayu yang seimbang dalam Majlis Mesyuarat Undang-undang Persekutuan Tanah Melayu, Majlis Mesyuarat Negeri, Majlis Mesyuarat Bandaran dan pengutamaan bahasa Melayu oleh ketua-ketua pejabat; menganjurkan satu rupa hadiah bagi karangan-karangan yang terbaik dalam bahagian-bahagiannya tiap-tiap tahun; menyusun sebuah kamus yang lengkap dalam tulisan Rumi; pengambilan juruhebah radio mestilah berkeputusan tinggi dalam bahasa Melayu; dan melantik wakil daripada Kongres Persuratan Melayu dalam Jawatankuasa Penapis Filem.

Dua keputusan penting telah dicapai dalam kongres tersebut, iaitu setelah mengkaji penyata tulisan Jawi-Rumi yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Penyiasat Tulisan Jawi-Rumi itu, Kongres mengambil keputusan bahawa sudah sepatutnya tulisan Rumi dirasmikan bagi persuratan Melayu dengan tidak menghapuskan tulisan Jawi sehingga masa akan menentukannya; dan menuntut kerajaan Persekutuan Tanah Melayu supaya membesarkan lagi Jabatan Penterjemahan menjadi sebuah Balai Bahasa yang lengkap.

**Kongres III** Kongres ini berlangsung dari 16 hingga 21 September 1956 di Johor Bahru dan Singapura dan dihadiri oleh lebih kurang 500 orang perwakilan dan pemerhati dari 59 buah badan bahasa dan persuratan Melayu dari seluruh negara. Beberapa orang wakil rasmi dari Indonesia yang diketuai oleh Menteri Pendidikan, Pengajaran dan Kebudayaan, Prof. Prijana turut hadir. Rumusan yang telah dipersetujui adalah seperti yang berikut.

- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) hendaklah ditubuhkan sebagai pusat bagi menjaga hal-ehwal dan perkembangan bahasa dan persuratan Melayu supaya tidak cacat asal usul bahasa Melayu serta menjadi pendorong kepada perkembangan kebudayaan rakyat Tanah Melayu kelak; DBP hendaklah menyiasat, membongkar dan mengumpulkan semula serta menghalusi hasil kesusasteraan Melayu semenjak zaman purba





Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga di Johor, 1956

selain tujuan penubuhan DBP, butir tentang taraf, pentadbiran, pengelola jabatan dan bahagiannya serta tugas yang seharusnya dijalankan oleh DBP turut diputuskan.

- Bahasa Melayu yang diakui bahasa kebangsaan hendaklah disempurnakan keadaannya dan diamalkan sebagai bahasa rasmi negara; DBP ditugaskan bagi menerbitkan hasil kesusasteraan yang bernilai untuk menyempurnakan perkembangan prosa dan puisi Melayu (lama dan baru); unsur kebangsaan hendaklah ditanamkan sebanyak mungkin dalam lagu kebangsaan dan patriotik bagi memelihara keasliannya; undang-undang negara tentang perlindungan hak cipta hendaklah diadakan; dan pihak pengusaha filem Melayu hendaklah mengambil berat untuk menggunakan bahasa Melayu yang baik dalam filemnya.

- Membentuk suatu jawatankuasa kecil yang anggotanya terdiri daripada ahli seni lukis Melayu dan pakar bahasa Melayu untuk membentuk perkataan baru bagi menyatakan benda dan fikiran baru dalam seni lukis; mengambil terus perkataan asing yang mudah sebutan dan ejaannya dengan tidak mengubah bunyi dan

ejaannya itu; mengambil perkataan asing yang keras sebutannya dan ganjil ejaannya dengan memadamkan bunyinya itu menurut lidah dan ejaan Melayu; dan menyiasat dan menimbulkan semula perkataan Melayu yang sedia ada dalam seni ukir dan sebagainya untuk kegunaan dalam lapangan seni lukis.

- Lembaga Tetap Kongres hendaklah mendesak jabatan yang tertentu di DBP supaya menyusun kamus khas berkenaan dengan seni rupa; menterjemahkan buku tentang fikiran Timur dan Barat tentang seni lukis; menyusun buku baru yang mengandungi lukisan pilihan dengan kritikan secara ilmiah; dan menyusun buku baru daripada hasil penyelidikan tentang seni rupa bangsa Melayu.

- Bahasa Melayu hendaklah diperluaskan penggunaannya dalam pelbagai bidang seperti, pertanian, penternakan, pentadbiran, perusahaan, penyiaran, persuratkhabaran dan sebagainya.

- Mengusulkan kepada Jabatan Pelajaran Tanah Melayu dan Singapura supaya bahasa Melayu digunakan seluas-luasnya dalam kursus, kelas dan akademi seni lukis.



- Bahasa Melayu dan bahasa Indonesia yang berbeza-beza sedikit tentang ejaan dan beberapa hal lainnya hendaklah disatukan, kerana asal dan dasar bahasa Melayu dan bahasa Indonesia itu satu dan sama saja.
- Lembaga Bersama Melayu-Indonesia hendaklah diadakan untuk menyatukan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia; untuk mempelajari dan menyelenggarakan hal tentang tatabahasa, istilah dan kamus; dan lembaga ini hendaklah bekerjasama dengan kerajaan.

Selain membincangkan kertas kerja tentang penubuhan DBP, penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang, dan penyatuan bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia, Kongres ini juga membincangkan cara mengembangkan bahasa kebangsaan menerusi persekolahan dan pendidikan.

**Kongres IV** Kongres ini diadakan pada 7 hingga 10 Disember 1984 di DBP, dengan tujuan untuk menilai prestasi pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan secara menyeluruh. Kongres ini ditaja secara bersama oleh 14 buah badan dan agensi yang terlibat dalam perjuangan bahasa seperti Angkatan Belia Islam Malaysia, DBP, GAPENA, Persatuan Linguistik Malaysia, Persatuan Penterjemah Malaysia, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung dan sebagainya.

Kongres yang berlangsung selama empat hari ini juga dihadiri oleh perwakilan pelbagai pertubuhan dan orang perseorangan yang terdiri daripada para ahli dalam pelbagai bidang keilmuan. Perwakilan dari negara serantau seperti Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura dan Thailand serta beberapa orang perseorangan dari negara asing turut hadir.

Sebanyak 13 buah kertas kerja dibincangkan dan dikategorikan di bawah kumpulan: Hasrat dan Cita-cita, Dasar dan Pelaksanaan, Agensi, Hakikat yang Wujud di Pelbagai Bidang/Sektor, dan Masa Depan. Berikut ini adalah beberapa usul penting yang dibincangkan dalam Kongres tersebut.

- Untuk meningkatkan imej bahasa Melayu sebagai bahasa bagi semua bidang, penulis ilmiah hendaklah mengutamakan dan memperbanyak penulisan dalam bahasa Melayu.
- Kegiatan menghasilkan buku tentang tatabahasa dan bahasa baku hendaklah ditingkatkan supaya masyarakat tidak menghadapi kekeliruan bahasa. Kekurangan kamus istilah, misalnya, hendaklah diisi dengan segera.
- Usaha penterjemahan karya ilmu ke dalam bahasa Melayu hendaklah digiatkan supaya tradisi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dapat diperkukuh.
- Pindaan dan peruntukan tambahan hendaklah dibuat dalam mana-mana undang-undang, akta dan peraturan bagi melicinkan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.
- DBP hendaklah bertanggungjawab juga mendorong kegiatan intelektual dan pembaharuan kebudayaan dalam bahasa Melayu di samping bertanggungjawab bagi perkembangan dan pembinaan bahasa dan sastera Melayu.

- Usaha penyebaran karya sastera antara negara berbahasa Melayu mestilah digiatkan dengan semangat yang ikhlas dengan memecahkan halangan yang bersifat ekonomi, politik dan sebagainya.
- Sistem dan strategi pengedaran bahan bercetak hendaklah disusun supaya bahan bacaan berbahasa Melayu dapat disebarluaskan seluas-luasnya.
- Supaya bahasa Melayu dapat memenuhi fungsi intelektual, kesenian, kebudayaan dan ilmu pengetahuan, disarankan pertemuan yang lebih kerap dan kerjasama yang lebih erat antara cendekiawan, ahli bahasa, sasterawan, seniman dan budayawan negara-negara berbahasa Melayu.

KARTINI SHUIB